

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN RAS ADIBA BINTI
MOHD RADZI**

TARIKH : 8 SEPTEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status penambahan 7 pusat kehidupan berdikari baharu di seluruh negara bagi memberi manfaat kepada sejumlah hampir 11 ribu OKU seperti dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pusat Kehidupan Berdikari atau *Independent Living Centre* (ILC) merupakan pusat yang menawarkan perkhidmatan asas untuk memperkasakan Orang Kurang Upaya (OKU) serta membolehkan mereka bersedia untuk memulakan kehidupan berdikari. OKU juga mempunyai tanggungjawab sepenuhnya ke atas diri sendiri dan diberi penghormatan sebagai individu dalam masyarakat.

ILC terbuka kepada semua OKU terutama yang tinggal berhampiran dan dalam kalangan OKU yang mengalami kecacatan / kurang upaya tahap teruk. Pusat ini juga menyasarkan OKU yang ingin memulakan kehidupan secara berdikari, yang telah lama berada dalam sesebuah institusi atau di bawah jagaan ahli keluarga.

Sehingga akhir tahun 2020, sebanyak tujuh (7) buah ILC dapat ditubuhkan di mana dua (2) buah ILC telah beroperasi sehingga kini iaitu di Petaling Jaya, Selangor dan di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi, Selangor. Manakala lima (5) buah ILC lagi akan ditubuhkan di Kedah, Selangor, Sabah, Sarawak dan Johor sehingga akhir Disember 2020. Sehingga kini, seramai 1,004 OKU telah mendapat manfaat daripada perkhidmatan di 2 buah ILC yang telah beroperasi.

Antara faktor pemilihan lokasi bagi penubuhan ILC adalah taburan OKU yang memerlukan perkhidmatan ILC, terdapat Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang bersedia untuk mengendalikan ILC berkaitan dan mematuhi standard piawaian keperluan OKU yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN ASMAK BINTI
HUSIN**

TARIKH : 8 SEPTEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Puan Asmak binti Husin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan kaunselor berdaftar di Malaysia dan berapa peratus dari jumlah tersebut yang mempunyai kepakaran pengkhususan dalam bidang kaunseling keluarga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Kaunselor sehingga **31 Julai 2020** telah mendaftarkan **9,243** kaunselor di bawah Akta Kaunselor 1998 [*Akta 580*].

Berdasarkan rekod dari Lembaga Kaunselor terdapat **1,605** kaunselor berdaftar yang kompeten melaksanakan kaunseling keluarga iaitu **17.3%** dari jumlah **9,243** sehingga **31 Julai 2020**. Kaunselor yang kompeten mempunyai **kemahiran, kebolehan** dan **pengetahuan** sebagai seorang profesional untuk menjalankan intervensi dengan cekap dan jayanya.

Usaha yang diambil oleh Lembaga Kaunselor untuk mempertingkatkan kompetensi kaunselor adalah menerusi **Program Perkembangan Profesional Berterusan** (*Continuous Professional Development/CPD*). Program ini memastikan kaunselor berdaftar membekalkan diri mereka atau dibekalkan dengan pengetahuan profesional, kemahiran profesional, nilai serta amalan profesional melalui program latihan yang terancang dan sistematik bagi memastikan kaunselor berdaftar sentiasa dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik dan profesional. Program CPD ini disyaratkan kepada semua kaunselor yang berdaftar di bawah Akta 580 dan seseorang kaunselor berdaftar perlu memenuhi jumlah mata minimum Program CPD dalam tempoh masa dua (2) tahun sebagai syarat wajib bagi membolehkan Perakuan Amalan Dwitahunan diperbaharui.

Secara umumnya, seseorang kaunselor dilatih untuk mengendalikan pelbagai isu kaunseling termasuk melaksanakan dan menyediakan perkhidmatan kaunseling seperti berikut:

i. kaunseling ketagihan

kaunselor bidang ini mempunyai pengetahuan, kemahiran dan amalan profesional yang diperlukan dalam pelbagai isu ketagihan, rawatan dan program-program pencegahan dalam

konteks kesihatan mental bagi mengendalikan kes-kes yang menyebabkan ketagihan.

ii. kaunseling kerjaya

kaunselor bidang ini berpengetahuan, mempunyai kemahiran dan amalan profesional dalam membantu klien membina rancangan kerjaya yang selari dengan definisi peranan pekerja dan bagaimana peranan tersebut berinteraksi dengan peranan-peranan yang lain dalam kehidupan mereka.

iii. kaunseling kesihatan mental klinikal

kaunselor bidang ini berpengetahuan, mempunyai kemahiran dan amalan profesional yang diperlukan bagi menangani pelbagai bidang dalam konteks kaunseling kesihatan mental klinikal.

iv. kaunseling sekolah

kaunselor bidang ini mempunyai pengetahuan, kemahiran dan amalan profesional yang diperlukan bagi menggalakkan pembangunan akademik, kerjaya, peribadi dan sosial semua pelajar dalam memberikan bimbingan dan kaunseling.

v. kaunseling pelajar institusi pengajian tinggi

kaunselor bidang ini mempunyai pengetahuan, kemahiran dan amalan profesional yang diperlukan untuk meningkatkan pembangunan pelajar di institusi pengajian tinggi.

vi. kaunseling perkahwinan dan keluarga

kaunselor bidang ini mempunyai pengetahuan, kemahiran dan amalan profesional yang diperlukan dalam menangani pelbagai isu dalam konteks perhubungan perkahwinan dan kekeluargaan.

Menjelang tahun **2025**, KPWKM menyasarkan untuk mendaftar sekurang-kurangnya **12,000** kaunselor supaya perkhidmatan kaunselor profesional ini dapat diperluaskan ke daerah dan memastikan **aksesibiliti** di mana perkhidmatan kaunseling mudah diakses dengan cepat oleh komuniti. Kaunselor profesional yang ditempatkan di setiap daerah dapat

SOALAN NO. : 29

membimbing dan membantu meningkatkan kesejahteraan psikologi masyarakat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN LIEW CHIN TONG

TARIKH : 8 SEPTEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Tuan Liew Chin Tong minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan:

- (a) Jumlah dan nisbah pekerja sosial Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada penduduk Malaysia dari tahun 2015 hingga 2019; dan
- (b) Komitmen Kerajaan untuk menggubal Akta Profesion Kerja Sosial untuk memperkukuh jaminan pekerjaan dan gaji setimpal bagi pekerja sosial di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bidang Kerja Sosial dipraktikkan merentas pelbagai kementerian, agensi dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) malah meliputi individu dalam sektor perkhidmatan kebajikan, pendidikan dan kesihatan. Dalam konteks Malaysia, buat masa ini tiada statistik rasmi bilangan Pekerja Sosial direkodkan memandangkan tiada satu perundangan dan badan kawal selia (*Regulatory bodies*) yang melaksanakan pendaftaran profesion ini sebagaimana profesion-profesion lain antaranya Pegawai Perubatan, Jururawat, Peguam dan Jurutera.

Pada umumnya, sehingga Jun 2020, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mempunyai bilangan pegawai Skim Sosial (Skim S) seramai **3,814** orang yang memberikan fokus kepada skop tugas pekerja sosial melibatkan pengurusan kes (*case management*) kepada kumpulan sasaran.

Berdasarkan kajian oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri (MAMPU, JPM) tahun 2019, nisbah Pekerja Sosial di JKM berbanding populasi penduduk Malaysia adalah **1:8,576** (Seorang Pekerja Sosial di JKM kepada 8,576 orang penduduk Malaysia).

Komitmen kerajaan dalam penggubalan Akta Profesion Kerja Sosial telah dinyatakan melalui Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Istiadat Pembukaan Parlimen Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas pada 18 Mei 2020 yang lalu. Kementerian dengan kerjasama JKM, Persatuan Pekerja Sosial Malaysia, Para Akademik, NGO dan pengamal industri bidang kerja sosial sedang menerajui pengenalan era baharu profesionalisme kerja sosial berlandaskan praktis dan kompetensi. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan penyampaian intervensi kerja sosial dalam menangani masalah sosial yang semakin kompleks dan mencabar.

SOALAN NO. : 34

Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial (RUU PKS) memainkan peranan penting dalam memastikan rakyat mendapat perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan meningkatkan keyakinan orang ramai dalam perkhidmatan sosial. Draf RUU PKS ini telah dikemukakan ke Jabatan Peguam Negara untuk semakan sebelum dibentangkan di Dewan Rakyat pada sesi akan datang. Penggubalan RUU PKS juga akan membuka lebih banyak lagi peluang penyertaan pekerja sosial dalam pasaran kerja sekali gus menarik minat masyarakat menceburi profesion ini di sektor awam mahupun NGO serta pewujudan pakar bidang (*Subject Matter Expert/SME*) dengan tawaran gaji yang kompetitif dari penyedia perkhidmatan sebagaimana profesion lain antaranya Peguam, Jurutera dan Pegawai perubatan.